A

Tenaga Nasional Bhd lwn ZCM Resources Sdn Bhd

B

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — GUAMAN NO 22NCVC-18–10 TAHUN 2016
HASSAN ABDUL GHANI PK
3 APRIL 2018

C

Kontrak — Pelanggaran — Ganti rugi — Klausa ganti rugi beres di dalam kontrak — Sama ada defendan tidak mempunyai pengetahuan berkenaan terma-terma — Sama ada terma-terma kontrak tidak sempurna dan tiada kepastian — Sama ada pengiraan ganti rugi beres salah — Sama ada plaintif berhak menuntut ganti rugi kerugian hasil — Sama ada inferens yang menentang boleh dibangkitkan terhadap defendan — Akta Kontrak 1950 ss 38(1) & 74

D

Ini adalah tuntutan plaintif ke atas defendan untuk ganti rugi berkaitan dengan pemecahan kontrak oleh defendan kerana kegagalan defendan mendapatkan bekalan elektrik secara berterusan dari plaintif selama tempoh lima tahun. Pada 15 Disember 2010, defendan telah memohon kepada plaintif untuk membekalkan tenaga elektrik ke premis lombong besi defendan di Lot 001041, Mukim Tembeling, Daerah Jerantut, Pahang ('premis itu'). Permohonan ini diluluskan oleh plaintif dan pada 28 Ogos 2012, defendan telah menandatangani borang permohonan bagi bekalan elektrik perniagaan ke premis itu yang dilampirkan bersama dengan syarat-syarat bekalan bagi pengguna perniagaan/bukan domestik ('kontrak itu'), ('P1'). Plaintif telah memberikan perkhidmatan bekalan elektrik kepada defendan bermula pada 11 Disember 2012. Defendan telah menggunakan perkhidmatan elektrik tanpa bantahan terhadap terma-terma kontrak itu selama 20 bulan daripada tarikh pemerolehan tenaga elektrik dan membuat pembayaran perkhidmatan berdasarkan bil-bil elektrik yang diisukan oleh plaintif. Namun demikian, pada 28 Ogos 2014 defendan telah melakukan kemungkiran kontrak kerana secara pra-matang iaitu sebelum genap tempoh lima tahun dari tarikh penerimaan perkhidmatan elektrik telah memberi notis penutupan akaun kepada plaintif. Justeru itu, plaintif menuntut dari defendan ganti rugi beres dan ganti rugi bagi kerugian hasil yang akan ditaksirkan oleh mahkamah. Defendan menafikan tuntutan plaintif dan mengatakan dia tidak mengetahui mengenai terma ganti rugi beres. Defendan juga mengatakan dia memberikan notis penutupan akaun berdasarkan representasi salah seorang kakitangan plaintif iaitu Datin Tan Poh Yoke ('Datin') bahawa Tenaga Nasional Bhd ('TNB') hanya akan mengenakan denda RM5,000 sahaja kerana kemungkiran kontrak.

E

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif; mengawardkan ganti rugi beres

sebanyak RM406,873.27 beserta faedah 4% setahun dan kos sebanyak RM5,000: A

(1) Alasan defendan bahawa jika terma-terma kontrak itu dibekalkan kepadanya dia akan menandatangani di bahagian bawah setiap muka surat terma-terma tersebut hanya merupakan penafian kosong dan satu pemikiran kemudian untuk mengelakkan tanggungjawab mereka di bawah kontrak itu. Pembelaan defendan bertentangan dengan tindakan defendan sendiri apabila defendan mematuhi kontrak itu selama 20 bulan dan membuat pembayaran perkhidmatan berdasarkan bil-bil elektrik yang diisukan kepadanya tanpa apa-apa bantahan terhadap terma-terma kontrak itu. Berdasarkan kepada jumlah perbelanjaan besar yang terpaksa ditanggung oleh defendan, adalah tidak munasabah untuk mengatakan defendan tidak meneliti secara terperinci butir-butir atau syarat-syarat kontrak itu. Adalah menjadi tanggungjawab defendan untuk memastikan kandungan kontrak itu dan dia dihalang daripada menafikan kandungan perjanjian itu telah mengikat pihaknya. Oleh itu, telah wujud suatu kontrak yang sah di antara plaintif dan defendan dan defendan adalah terikat dengan terma-terma yang terdapat di dalam kontrak itu menurut s 38(1) Akta Kontrak 1950 ('AK 1950') (lihat perenggan 21–22, 24, 26, & 28–29). B C D E

(2) Oleh kerana defendan telah memungkiri kontrak itu maka mengikut klausa 5 dan 19, P1, defendan hendaklah menanggung dan membayar ganti rugi beres kepada plaintif. Plaintif berhak untuk mendapatkan pampasan daripada defendan disebabkan oleh kemungkiran tersebut menurut s 74 AK 1950 (lihat perenggan 34). F

(3) Walaupun cara pengiraan ganti rugi beres tidak dinyatakan ianya tidak bermakna plaintif tidak berhak kepada ganti rugi tersebut. Plaintif berhak memilih sama ada untuk menuntut kerugian sebenar atau menuntut berdasarkan kepada Pekeliling TNB. Memandangkan plaintif memang telah mengalami kerugian yang dijangkakan dan oleh kerana sukar untuk mahkamah menentukan jumlah ganti rugi yang tepat dan ganti rugi tersebut tidak memprejudiskan defendan, maka jumlah ganti rugi yang dinilai berasaskan formula Pekeliling TNB telah diterima oleh mahkamah. Justeru itu award ganti rugi beres yang berpatutan ialah RM406,873.27 setakat 30 Disember 2015 (lihat perenggan 37 & 44). G H

(4) Arahan atau representasi oleh Datin yang didakwa oleh defendan hanya merupakan satu pemikiran semula defendan untuk mengelakkan liabiliti mereka terhadap kemungkiran kontrak. Inferens yang menentang boleh dibangkitkan terhadap defendan kerana kegagalan defendan untuk memanggil Datin bagi menyokong kes mereka (lihat perenggan 45–46). I

(5) Tuntutan plaintif untuk kerugian hasil ditolak kerana tidak ada apa-apa keterangan dikemukakan oleh plaintif untuk membuktikan tuntutan tersebut (lihat perenggan 47).

[English summary

This was the plaintiff's claim against the defendant for damages relating to the breach of contract by the defendant due to the failure of the defendant to continuously receive electricity supply from the plaintiff for a period of five years. On 15 December 2010, the defendant had applied to the plaintiff to supply electricity to the defendant's iron mine premise at Lot 001041, Mukim Tembeling, Daerah Jerantut, Pahang ('the premise'). The application was approved by the plaintiff and on 28 August 2012, the defendant had signed an application form for business electricity supply to the premise attached with the supply conditions for business/non-domestic consumers ('the contract'), ('P1'). The plaintiff had provided the service of electricity supply to the defendant starting on 11 December 2012. The defendant had been using the electrical service without objection to the terms of the contract for 20 months from the date of electricity received and making service payment based on the electrical bills that were issued by the plaintiff. However, on 28 August 2014, the defendant had breached the contract as had prematurely ie before the completion of five years from the date of electrical service received had given a notice of closing accounts to the plaintiff. Hence, the plaintiff claimed from the defendant liquidated damages and damages for loss of profit to be assessed by the court. The defendant denied the plaintiff's claim and claimed that they did not know regarding of the terms of liquidated damages. The defendant also claimed that they gave the notice of closing accounts based on the representation by one of the plaintiff's employee ie Datin Tan Poh Yoke ('Datin') that Tenaga Nasional Bhd ('TNB') would only charge a fine of RM5,000 for breach of contract.

Held, allowing the plaintiff's claim; awarding liquidated damages of RM406,873.27 together with an interest of 4%pa and costs of RM5,000:

(1) The defendant's argument that if the terms of the contract were provided to them he would sign at the bottom of each page of the terms was only a mere denial and a later thought to avoid their obligations under the contract. The defendant's defence was contrary to the defendant's own actions when the defendant complied with the contract for 20 months and made payments of services based on the electricity bills that were issued to them without any objection towards the terms of the contract. Based on the large amount of expenses incurred by the defendant, it was unreasonable to say that the defendant did not examine in detail the details or the terms of the contract. It was the responsibility of the defendant to make sure the content of the contract and they were prevented from denying the contents of the contract had been binding on

them. Thus, a valid contract between the plaintiff and the defendant existed and the defendant was bound by the terms contained in the contract according to s 38(1) of the Contracts Act 1950 ('the CA 1950') (see paras 21–22, 24, 26, & 28–29).

(2) As the defendant had breached the contract then according to cll 5 and 19, P1, the defendant shall bear and pay damages to the plaintiff. The plaintiff was entitled to get compensation from the defendant due to the breach in accordance with s 74 of the CA 1950 (see para 34).

(3) Although the calculation of damages was not specified it did not mean the plaintiff was not entitled to such damages. The plaintiff had the right to choose either to claim for actual loss or to claim based on the TNB Circular. Since the plaintiff had indeed suffered the expected loss and since it as difficult for the court to determine the exact amount of compensation and the damages did not prejudice the defendant, hence the amount of damages assessed based on the TNB Circular formula that had been received by the court. Therefore, the reasonable liquidated damages awarded was RM406,873.27 as at 30 December 2015 (see paras 37 & 44).

(4) The instruction or representative by Datin alleged by the defendant was only a rethought by the defendant to avoid their liability for breach of contract. Adverse inference could be raised against the defendant due to the failure of the defendant to call Datin to support their case (see paras 45–46).

(5) The plaintiff's claim of loss of revenue was dismissed because no evidence had been submitted by the plaintiff to prove the claim (see para 47).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai ganti rugi pelanggaran, lihat 3(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 3562–3613.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Rahim bin Syed Mohd v Ramakrishnan Kandasamy (Wan Ahmad Azlan bin Wan Majid & Anor, Interveners) and another action [1996] 3 MLJ 385, MT (dirujuk)

Anglia Television Ltd v Reed [1971] 3 All ER 690, MR (dirujuk)

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd v Tetuan Haranay, Roni & Abikah & Ors [1999] 5 MLJ 199, MT (dirujuk)

Chai Then Song v Malayan United Finance Bhd [1993] MLJU 128; [1993] 2 CLJ 640, MT (dirujuk)

Chin Hong Trading & Packaging Sdn Bhd v Tenaga Nasional Berhad [2011] MLJU 979, MT (dirujuk)

Hong Kong Bank (M) Bhd v Nor Harizan bte Mohd Ali [1999] 5 MLJ 629, MT (dirujuk)

Inai Bina Sdn Bhd v Mohd Rizzal bin Shamat [2017] MLJU 595, MT (dirujuk)
Johor Coastal Development Sdn Bhd v Constrajaya Sdn Bhd [2009] 4 MLJ 445; [2009] 4 CLJ 569, MP (dirujuk)
Lim Ah Hun v Soon Yee Ling & Anor [2011] 1 MLJ 819, MR (dirujuk)
Press Metal Sarawak Sdn Bhd v Etiqa Takaful Bhd [2016] 5 MLJ 417, MP (dirujuk)
Wisma Sime Darby Sdn Bhd v Wilson Parking (M) Sdn Bhd [1996] 2 MLJ 81, MR (dirujuk)
Yayasan Selangor v Persada Istimewa Sdn Bhd [2017] MLJU 777; [2017] 1 LNS 792, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bekalan Elektrik 1990
Akta Keterangan 1950 ss 101, 102, 114(g)
Akta Kontrak 1950 ss 30, 38(1), 74, 91, 92
Akta Syarikat 1965

Jerusha Jireh Bani (Alvin John & Partners) bagi pihak plaintif.
Ravi @ Moorthi Doraismy (Muthu Kumar bersamanya) (Ravi Moorthi, Noriza, Mala & Partners) bagi pihak defendan.

Hassan Abdul Ghani PK:

PENGENALAN

[1] Plaintif ialah sebuah syarikat am berhad yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 bertanggungjawab terhadap pembekalan tenaga elektrik kepada para pengguna di seluruh Semenanjung Malaysia menurut Akta Bekalan Elektrik 1990 ('ABE').

[2] Defendan merupakan sebuah syarikat yang terlibat dengan perniagaan perlombongan, pemprosesan dan perdagangan bijih besi.

[3] Di atas permintaan defendan, plaintif telah membekalkan tenaga elektrik ke premis defendan.

[4] Tuntutan plaintif ke atas defendan adalah untuk ganti rugi beres berkaitan dengan pemecahan kontrak oleh defendan kerana kegagalan defendan mendapatkan bekalan elektrik secara berterusan dari plaintif selama lima tahun.

FAKTA KES

[5] Pada sekitar 15 Disember 2010, defendan telah memohon kepada plaintif ('P2') untuk membekalkan tenaga elektrik ke premis lombong besi defendan di Lot 001041, Mukim Tembeling, Daerah Jerantut, Pahang ('premis itu').

[6] Permohonan ini diluluskan oleh plaintif secara bersyarat melalui surat bertarikh 23 Disember 2010 ('P14'). Setelah kelulusan diberi, defendan telah membina bangunan pencawang elektrik dan menyerahkan tapak kepada plaintif bagi tujuan pemasangan meter dan bekalan elektrik.

[7] Pada 28 Ogos 2012, defendan melalui SD1 telah menandatangani borang permohonan bagi bekalan elektrik perniagaan ke premis itu yang dilampirkan bersama dengan syarat-syarat bekalan bagi pengguna perniagaan/bukan domestik ('kontrak itu'), ('P1').

[8] Defendan dalam kontrak itu telah membuat permintaan jumlah beban sambungan ('total load connected') sebanyak 2180kw dan kehendak maksimum ('maximum demand') sebanyak 1635kw mengikut kapasiti perniagaan defendan.

[9] Kontrak itu memperuntukkan bahawa:

(a) defendan perlu membina bangunan pencawang di premis itu berdasarkan piawaian yang diluluskan oleh plaintif bagi membolehkan plaintif menyediakan/memberikan bekalan elektrik ke premis itu;

(b) defendan perlu menanggung ganti rugi beres ('liquidated damages') jikalau defendan gagal untuk mendapatkan bekalan elektrik secara berterusan bagi tempoh lima tahun dari tarikh kontrak itu; dan

(c) plaintif berhak untuk menuntut bayaran penalti bagi *connected load charge* ('CLC') selepas satu tahun dari tarikh kontrak itu sehingga lima tahun jikalau kehendak maksimum dalam mana-mana bulan kurang daripada kehendak maksimum yang diisytiharkan dalam kontrak itu iaitu sebanyak 1635kw.

[10] Plaintif telah menyediakan suatu cadangan teknikal beban sambungan 2180kw dan 1635kw kehendak maksimum dan telah mengemukakannya kepada pihak defendan.

[11] Defendan bersetuju dengan cadangan teknikal itu dan telah:

(a) membuat pembayaran RM200,000 deposit dalam bentuk jaminan bank;

(b) membuat bayaran RM293,575 kepada plaintif bagi caj sambungan; dan

(c) membina bangunan pencawang di premis itu dengan kos ditanggung oleh defendan.

[12] Setelah selesai pembinaan bangunan pencawang itu, plaintif telah memberikan perkhidmatan bekalan elektrik kepada defendan bermula pada 11 Disember 2012.

[13] Defendan telah menggunakan perkhidmatan elektrik tanpa bantahan terhadap terma-terma kontrak itu selama 20 bulan daripada tarikh pemerolehan tenaga elektrik dan membuat pembayaran perkhidmatan berdasarkan bil-bil elektrik yang diisukan oleh plaintif.

[14] Namun demikian, pada 28 Ogos 2014 defendan telah melakukan kemungkiran kontrak kerana secara pra-matang iaitu sebelum genap tempoh lima tahun dari tarikh penerimaan perkhidmatan elektrik telah memberi notis penutupan akaun kepada plaintif.

[15] Justeru itu, plaintif menuntut dari defendan ganti rugi beres ('liquidated damages') berjumlah RM406,873.27 yang dibenarkan di bawah kontrak itu dan ganti rugi bagi kerugian hasil yang akan ditaksirkan oleh mahkamah.

[16] Defendan menafikan tuntutan plaintif dan mengatakan dia tidak mengetahui mengenai terma ganti rugi beres. Defendan juga mengatakan dia memberikan notis penutupan akaun berdasarkan representasi salah seorang kakitangan plaintif iaitu Datin Tan Poh Yoke ('Datin') bahawa Tenaga Nasional Bhd ('TNB') hanya akan mengenakan denda RM5,000 sahaja kerana kemungkiran kontrak.

PENGHUJAHAN PEGUAM CARA DEFENDAN

[17] Peguam cara defendan berhujah di, antara lain, bahawa:

(i) terma-terma kontrak ('P1') tidak dibekalkan kepada defendan. Oleh itu, defendan tidak mempunyai pengetahuan berkenaan terma-terma tersebut;

(ii) terma-terma kontrak tidak sempurna dan tiada kepastian kerana klausa 5 dan 19, P1 tidak menyatakan jumlah atau kadar ganti rugi beres yang perlu dibayar oleh defendan. Peguam cara berhujah sesuatu kontrak yang mempunyai ketidakpastian adalah terbatal dengan merujuk s 30 Akta Kontrak 1950 dan kes-kes *Wisma Sime Darby Sdn Bhd v Wilson Parking (M) Sdn Bhd* [1996] 2 MLJ 81, *Lim Ah Hun v*

Soon Yee Ling & Anor [2011] 1 MLJ 819 dan *Abdul Rahim bin Syed Mohd v Ramakrishnan Kandasamy (Wan Ahmad Azlan bin Wan Majid & Anor, Interveners) and another action* [1996] 3 MLJ 385. Peguam cara juga mengatakan keterangan SP2 bahawa pengiraan ganti rugi beres dibuat melalui P12 iaitu 'Pekeliling Pengurus Besar Kanan Bahagian Pembahagian TNB' ('Pekeliling TNB') suatu keterangan yang tidak boleh diterima menurut ss 91 dan 92 Akta Kontrak 1950 dan kes-kes *Hong Kong Bank (M) Bhd v Nor Harizan bte Mohd Ali* [1999] 5 MLJ 629 dan *Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd v Tetuan Haranay, Roni & Abikah & Ors* [1999] 5 MLJ 199;

(iii) peguam cara berhujah P1 tidak memperuntukkan hak plaintif untuk menuntut ganti rugi terhadap kerugian hasil;

(iv) peguam cara mengatakan pengiraan ganti rugi beres tidak sah dan salah kerana SP2 mengakui tempoh penggunaan bekalan elektrik oleh defendan adalah dari 11 Disember 2012–28 September 2014 iaitu selama 20.5 bulan, namun pengiraan di P11 hanya mengambil kira tempoh selama 20 bulan sahaja.

Peguam cara juga berhujah pengiraan ganti rugi beres salah kerana ianya berasaskan kepada jumlah RM1,631,074 yang merupakan suatu anggaran kos projek bukan kos sebenar projek; dan

(v) peguam cara mengatakan defendan mengemukakan surat penamatan penggunaan bekalan elektrik ('P7') di atas nasihat Datin. Kegagalan plaintif memanggil Datin membolehkan mahkamah membangkitkan satu anggapan yang memudaratkan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap plaintif.

PENGHUJAHAN PEGUAM CARA PLAINTIF

[18] Peguam cara plaintif berhujah bahawa:

(a) berkaitan dengan alasan (i), pihak defendan telah menandatangani borang permohonan yang dilampirkan bersama dengan syarat-syarat bekalan bagi pengguna perniagaan/bukan domestik dan telah membuat perakuan bersetuju dengan semua syarat dalam P1;

(b) berkaitan dengan alasan (ii), klausa 5 dan 19, P1 memperuntukkan dengan jelas defendan perlu membayar ganti rugi beres sekiranya gagal menggunakan bekalan elektrik untuk tempoh lima tahun;

(c) berkaitan dengan alasan (iii), peguam cara plaintif berhujah mereka berhak menuntut ganti rugi kerugian hasil kerana plaintif adalah pihak kepada perjanjian itu dengan merujuk kes *Yayasan Selangor v Persada Istimewa Sdn Bhd* [2017] MLJU 777; [2017] 1 LNS 792;

(d) berkaitan dengan pengiraan ganti rugi beres untuk isu (iv), peguam cara mengatakan walaupun cara pengiraan tidak dinyatakan dalam perjanjian, defendan mengetahui dia perlu membayar pampasan sekiranya menggunakan bekalan kurang daripada 60 bulan. Defendan tidak mempertikaikan plaintif telah membelanjakan kos projek sebanyak RM1,631,074 ('P16') dan plaintif hanya menuntut kurang daripada 50% kos yang dibelanjakan.

Peguam cara plaintif juga mengatakan pengiraan ganti rugi beres adalah mengikut Pekeliling TNB berasaskan polisi cas sambungan semasa.

Peguam cara berhujah oleh kerana plaintif telah mengalami kerugian mahkamah boleh menggunakan budi bicaranya untuk menggunakan formula ini dan memberikan jumlah pampasan yang bersesuaian kepada Plaintif dengan merujuk kes *Inai Bina Sdn Bhd v Mohd Rizzal bin Shamat* [2017] MLJU 595; dan

(e) berkaitan dengan isu (v), peguam cara plaintif berhujah adalah menjadi tanggungjawab defendan untuk memanggil Datin bagi membuktikan dakwaan bahawa defendan bertindak menamatkan kontrak itu di atas persetujuan Datin.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[19] Berkaitan dengan isu (i), mahkamah memutuskan dalam kes ini wujud perjanjian di antara plaintif dan defendan di mana defendan telah membuat suatu permohonan kepada plaintif untuk memperolehi bekalan elektrik di premis itu. Mahkamah menerima keterangan pihak plaintif bahawa pihak defendan melalui SD1 telah menandatangani borang permohonan bagi bekalan elektrik di premis itu yang dilampirkan bersama dengan syarat-syarat bekalan bagi pengguna perniagaan/bukan domestik ('P1') di ms 61–66(B) Ikatan B. SD1 dalam keterangannya mengakui telah menandatangani borang permohonan itu di ms 62 Ikatan B.

[20] Melalui Item 2 pada Bahagian G muka surat yang sama, SD1 telah membuat perakuan bahawa defendan bersetuju dengan semua syarat. Item 2 menyatakan bahawa:

> Item 2 — Saya bersetuju dengan semua syarat bekalan eletrik TNB seperti di dalam syarat-syarat Bekalan bagi pengguna perniagaan/bukan Domestik.

[21] Oleh kerana ianya telah ditandatangani oleh SD1 dan defendan telah bersetuju dengan semua syarat, mahkamah telah menolak keterangan defendan bahawa mereka tidak menerima dan tidak mengetahui terma-terma kontrak itu, P1 di ms 65–66(B) tersebut. Alasan defendan bahawa jika terma-terma di muka surat tersebut dibekalkan kepadanya dia akan menandatangani di bahagian bawah setiap muka surat terma-terma tersebut

hanya merupakan penafian kosong dan satu pemikiran kemudian untuk mengelakkan tanggungjawab mereka di bawah kontrak itu.

[22] Pembelaan defendan jelas bertentangan dengan tindakan defendan sendiri. Ini kerana defendan telah mematuhi kontrak itu selama 20 bulan dari tarikh perolehan bekalan elektrik dan membuat pembayaran perkhidmatan berdasarkan bil-bil elektrik yang diisukan kepadanya tanpa sebarang bantahan terhadap terma-terma kontrak itu.

[23] Di peringkat perbicaraan semasa di periksa balas oleh peguam cara plaintif, SD1 sendiri mengakui dia hanya menandatangani borang permohonan di ms 62 sahaja dan tidak menandatangani dokumen itu di ms 61, P1 Ikatan B walaupun dia mengatakan telah menjadi amalannya untuk menandatangani apa jua dokumen pada setiap helaian.

Q: I suggest to you that your answer would not make sense, Dato Seri because if you said that usually you sign each and every page; you have signed on p 62 but there is no signature of yours on p 61 which you have admitted that was part of the form.

A: True.

[24] Fakta kes juga jelas membuktikan defendan telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk mendapatkan bekalan elektrik dari pihak plaintif. Di antaranya ialah kos untuk membina pencawang (*sub-station*) berjumlah RM2,161,000, deposit sebanyak RM200,000 dan caj sambungan sebanyak RM293,575. Berdasarkan kepada jumlah besar ini yang terpaksa ditanggung oleh defendan, adalah tidak munasabah untuk mengatakan defendan tidak meneliti secara terperinci butir-butir atau syarat-syarat perjanjian/kontrak itu yang dilampirkan bersama sebelum SD1 menandatangani borang permohonan tersebut.

[25] Oleh itu adalah menjadi dapatan fakta mahkamah ini bahawa sepanjang masa yang material, defendan mempunyai pengetahuan tentang terma-terma dalam P1 dan secara konduk telah melaksanakan tanggungjawabnya selama 20 bulan di bawah kontrak itu. Sepanjang perbicaraan defendan juga telah gagal untuk mengemukakan sebarang syarat yang berlainan sekiranya ada.

[26] Mahkamah berpendapat jika pun benar dakwaan defendan bahawa mereka tidak mengetahui mengenai syarat-syarat kontrak itu (yang mana dinafikan) adalah menjadi tanggungjawab defendan untuk memastikan kandungan kontrak itu dan dia dihalang daripada menafikan kandungan perjanjian itu telah mengikat pihaknya.

[27] Dalam kes *Chai Then Song v Malayan United Finance Bhd* [1993] MLJU 128; [1993] 2 CLJ 640, mahkamah memutuskan bahawa:

> ... I find the aforesaid authorities laid down sound principles of law on persons executing blank 19 documents. A person who choose to be careless, or not bothered to find out the contents therein, or relied completely upon others to complete the same, is responsible for his own actions and he is prevented from denying the contents therein do not bind him.

[28] Mahkamah memutuskan bahawa telah wujud suatu kontrak yang sah di antara plaintif dan defendan yang mengikat kedua-dua pihak. Justeru itu defendan adalah terikat dengan terma-terma yang terdapat di dalam kontrak itu. Dalam kes *Press Metal Sarawak Sdn Bhd v Etiqa Takaful Bhd* [2016] 5 MLJ 417 Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa:

> [54] The decision of the Indian Supreme Court in the case of *TN Rao v Balabhadara* AIR 1954 Mad 71, supports the above proposition. Venkatarama Aiyar J in that case ruled:
>
> > When a contract in writing is signed by parties, they are bound by the terms contained therein whether they take the trouble of reading them or not.

[29] Pihak defendan perlu mematuhi terma kontrak itu menurut s 38(1) Akta Kontrak 1950. Seksyen 38(1) menyatakan bahawa:

> [1] The parties to a contract must either perform, or offer to perform their respective promises, unless the performance is dispensed with or excused under this Act, or of any other law.

[30] Berkaitan dengan isu (ii), mahkamah memutuskan klausa 5 dan 19 dalam P1 dengan jelas memperuntukkan defendan perlu membayar ganti rugi beres sekiranya mereka gagal menggunakan bekalan elektrik untuk tempoh lima tahun.

[31] Klausa 5 menyatakan bahawa:

> LIQUIDATED DAMAGES
>
> A sum of money chargeable to the Consumer who fails or cease to take supply for 5 years after signing the supply contract.

Klausa 19 menyatakan bahawa:

> LIQUIDATED DAMAGES
>
> In the event the Consumer fails or ceases to take supply for five [5] years after signing of this contract, the Consumer shall pay to TNB Liquidated Damages.
>
> Provided always that the amount and the payment of Liquidated Damages shall be subjected to the prevailing policy of Connection Charge and Tariff.

[32] Bedasarkan kepada klausa 5, P1 adalah jelas defendan telah bersetuju untuk mendapatkan bekalan elektrik daripada plaintif sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun di mana sekiranya defendan gagal berbuat demikian, dia akan dikenakan bayaran untuk ganti rugi beres.

[33] Defendan telah memungkiri kontrak itu dengan memberi notis bertulis bertarikh 28 Ogos 2014 bagi menutup akaun kontrak itu lantas memungkiri kontrak yang dipohon untuk tempoh lima tahun. Defendan hanya menggunakan bekalan elektrik untuk tempoh 20 bulan sahaja.

[34] Oleh kerana defendan telah memungkiri kontrak itu maka mengikut klausa 5 dan 19, P1, defendan hendaklah menanggung ganti rugi beres dan perlu membayar ganti rugi beres kepada plaintif. Plaintif berhak untuk mendapatkan pampasan daripada defendan disebabkan oleh kemungkiran tersebut menurut s 74 Akta Kontrak 1950.

[35] Seksyen 74 Akta Kontrak 1950 memperuntukkan bahawa:

> [1] When a contract has been broken, the party who suffers by the breach is entitled to receive, from the party who has broken the contract, compensation for any loss or damage caused to him thereby, which naturally arose in the usual course of things from the breach, or which the parties knew, when they made the contract, to be likely to result from the breach of it.

[36] Berkaitan dengan isu (iv) ganti rugi beres, defendan tidak boleh menafikan hak plaintif terhadap ganti rugi tersebut menurut klausa 5 dan 19, P1 jika defendan gagal untuk mematuhi kontrak itu untuk bekalan elektrik ke premis itu selama lima tahun. Apa yang menjadi isu dalam kes ini ialah formula yang perlu dipakai oleh mahkamah untuk pengiraan ganti rugi beres kerana seperti yang diakui sendiri oleh peguam cara plaintif dalam penghujahannya ialah cara pengiraan ganti rugi beres itu tidak dinyatakan dalam kontrak itu.

[37] Mahkamah berpendapat walaupun cara pengiran ganti rugi beres tidak dinyatakan ianya tidak bermakna plaintif tidak berhak kepada ganti rugi tersebut kerana klausa 5 dan 19 telah memberikan hak itu kepada plaintif. Jika plaintif tidak diberikan hak itu maka ianya jelas akan memprejudiskan plaintif. Jika ganti rugi ini diberikan kepada plaintif, ianya tidak akan memprejudiskan defendan kerana plaintif memang berhak kepada ganti rugi beres mengikut kontrak itu.

[38] Dalam kes ini plaintif telah membuktikan kerugian sebenar berkaitan dengan kos projek. Plaintif telah membuktikan melalui keterangan SP2 bahawa TNB terpaksa membelanjakan jumlah sebanyak RM1,632,074 untuk membekalkan elektrik kepada defendan. Lihat ms 98 Ikatan B, P11. Jumlah

yang besar ini ini tidak akan dibelanjakan oleh TNB jika defendan tidak bersetuju untuk menggunakan elektrik selama lima tahun.

[39] Walaupun plaintif telah membuktikan kos projek sebenar yang terpaksa ditanggungnya untuk pembekalan elektrik ke premis itu, plaintif hanya menghadkan tuntutannya setakat yang dibenar menurut Pekeliling TNB ('P12') yang mana mengikut formula itu jumlah tuntutannya jauh berkurangan dari tuntutan sebenar. Mengikut Pekeliling TNB jumlah tuntutan mesti tidak melebihi 50% daripada jumlah yang dibelanjakan oleh plaintif bagi kos projek tersebut.

[40] SP2 telah mengemukakan cara pengiraan caj penalti bagi kegagalan melepasi tempoh lima tahun penggunaan mengikut P12 iaitu:

[60–20] x [P–C]/120 = RM445,833

Butir-butirnya ialah seperti berikut:

[P] Kos Projek – RM1,631,074

[C] Cas Sambungan – RM293,575

RM1,337,499

Tarikh Kontrak 2/1/2013

Tarikh Tutup 29/8/2014

[N] Bilangan bulan 20

Peguam cara plaintif berhujah jumlah ganti rugi beres RM445,833 telah diselaraskan dengan bayaran deposit dan lain-lain bayaran telah membentuk RM406,873.27 yang terakru, terhutang dan kena dibayar oleh defendan setakat 30 Disember 2015.

[41] Mahkamah berpendapat dalam isu ini, oleh kerana plaintif memang berhak kepada pampasan, plaintif berhak memilih sama ada untuk menuntut kerugian sebenar atau menuntut berdasarkan kepada Pekeliling TNB. Apabila plaintif memilih untuk menuntut berdasarkan kepada Pekeliling TNB ianya tidak mendatangkan prejudis kepada defendan kerana jumlah ganti rugi beres yang dituntut adalah jauh berkurangan daripada kerugian sebenar yang dialami oleh plaintif.

[42] Dalam kes *Anglia Television Ltd v Reed* [1971] 3 All ER 690, Lord Denning ER memutuskan seperti berikut:

> ... It seems to me that a plaintiff in such a case as this had an election: he can either claim for his loss of profits; or his wasted expenditure. But he must elect between them. He cannot claim both. If he has not suffered any loss of profits or if he cannot prove what his profits would have been he can claim in the alternative the expenditure which has been thrown away, that is, wasted by reason of the breach.

That is shown by *Cullinane v British Rema Manufacturing Co Ltd* [1953] 2 All ER 1261. A

[43] Dalam kes *Johor Coastal Development Sdn Bhd v Constrajaya Sdn Bhd* [2009] 4 MLJ 445; [2009] 4 CLJ 569, Mahkamah Persekutuan memutuskan: B

> However, for cases where the court finds it difficult to assess damages for the actual damage as there is no known measure of damages employable, and yet the evidence clearly shows some real loss inherently which is not too remote, the stipulated sum may be recoverable. The court ought to award substantial damages as opposed to nominal damages which are reasonable and fair according to the court's good sense and fair play. In any event, the damages awarded must not exceed the sum so named in the contractual provision. C

[44] Mahkamah telah mengambil kira prinsip undang-undang dalam kes-kes di atas dan memandangkan plaintif memang telah mengalami kerugian yang dijangkakan dan oleh kerana sukar untuk mahkamah menentukan jumlah ganti rugi yang tepat dan ganti rugi tersebut tidak memprejudiskan defendan, maka jumlah ganti rugi yang dinilai berasaskan formula Pekeliling TNB telah diterima oleh mahkamah. Justeru itu award ganti rugi beres yang berpatutan ialah RM406,873.27 setakat 30 Disember 2015. D E

[45] Berkaitan dengan isu (v), mahkamah telah meneliti P7 di ms 93 Ikatan B, iaitu surat yang dialamatkan oleh defendan kepada Datin, mahkamah dapati dakwaan defendan adalah tidak berasas sama sekali. Surat itu hanya menyatakan hasrat defendan untuk menutup akaun disebabkan oleh bayaran tertunggak. Isi kandungan surat itu tidak merujuk kepada apa-apa perbincangan di antara Datin. Tidak ada amaun denda berjumlah RM5,000 dinyatakan dalam P7. Oleh itu adalah jelas bahawa arahan atau representasi oleh Datin yang didakwa oleh defendan hanya merupakan satu pemikiran semula defendan untuk mengelakkan liabiliti mereka terhadap kemungkiran kontrak. F G

[46] Mahkamah bersetuju dengan penghujahan peguam cara plaintif bahawa inferens yang menentang boleh dibangkitkan terhadap defendan mengikut s 114(g) Akta Keterangan 1950 kerana kegagalan defendan untuk memanggil Datin bagi menyokong kes mereka. Dalam kes ini pihak plaintif telah melepaskan beban bukti dengan membuktikan bahawa mengikut perjanjian jika defendan gagal menggunakan bekalan elektrik dalam masa lima tahun maka pihak defendan perlu membayar ganti rugi beres. Jika defendan mengatakan Datin telah memberitahu mereka bahawa TNB hanya akan mengenakan denda RM5,000 sahaja jika defendan menutup akaun bekalan elektrik maka defendan yang perlu membuktikan dakwaan tersebut berdasarkan kepada ss 101 dan 102 Akta Keterangan 1950 dan kes *Chin Hong Trading & Packaging Sdn Bhd v Tenaga Nasional Berhad* [2011] MLJU 979. H I

[47] Mahkamah telah menolak tuntutan plaintif untuk kerugian hasil kerana tidak ada apa-apa keterangan dikemukakan oleh plaintif untuk membuktikan tuntutan tersebut.

KONKLUSI

[48] Berdasarkan kepada alasan di atas mahkamah telah membenarkan tuntutan plaintif dan mengawardkan ganti rugi beres sebanyak RM406,873.27 setakat 30 Disember 2015 beserta faedah sebanyak 4% setahun dari tarikh writ difailkan sehingga penyelesaian penuh dan kos RM5,000 tertakluk kepada alokatur.

Tuntutan plaintif dibenarkan; ganti rugi beres sebanyak RM406,873.27 beserta faedah 4% setahun diawardkan dan kos sebanyak RM5,000.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali